

23/06/2003

Dr Mahathir terus `diserang' media Barat

KUALA LUMPUR: Agensi berita dan media Barat, yang ghairah memburuk-burukkan Perdana Menteri, terus berusaha `menyerang' Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan mencari kelemahan dalam ucapan beliau pada Perhimpunan Agung Umno Ke-54 yang berakhir kelmarin.

Agence France Presse (AFP), dalam laporannya semalam, mendakwa Dr Mahathir, yang dikenali sebagai seorang yang sering menongkah arus di persada dunia, sekali lagi mengundang musibah apabila membuat kenyataan yang dianggap berunsur perkauman terhadap negara pelabur utama lain sebelum beliau bersara daripada jawatan Oktober ini.

Agensi berita itu melaporkan, Dr Mahathir bukan saja melabelkan Barat sebagai suka berperang, tamak dan terbabit dalam salah laku seks, tetapi berpendapat Malaysia tidak akan kerugian dari segi ekonomi kerana pelabur

Barat mengutamakan keuntungan dan akan terus datang ke sini.

Laporan AFP itu menyelitkan pandangannya sendiri, dengan menyatakan Dr Mahathir mungkin betul dalam menyatakan kenyataannya tidak mungkin menjejaskan ekonomi Malaysia, tetapi secara tidak syak lagi boleh memberi

kesan diplomatik yang negatif.

"Perdana Menteri lantang itu sudah diberi amaran oleh Amerika Syarikat bahawa negara itu terguris terhadap kritikan (Dr Mahathir) terhadap dasar

luar Washington, terutamanya peperangan terhadap Iraq," kata perkhidmatan

berita Perancis itu.

Sementara itu, agensi berita Associated Press (AP) menyifatkan ucapan Dr

Mahathir sebagai penuh emosi tetapi mengandungi kritikan hebat serta teguran sinis terhadap Barat.

Antara lain, ia melaporkan bahawa, walaupun ada kalanya Dr Mahathir dikatakan mengamalkan cara kepimpinan autokratik, beliau menjadi sekutu Amerika Syarikat dalam usaha memerangi keganasan global, tetapi turut mengkritik hebat tindakan kuasa besar itu menyerang Afghanistan dan Iraq.

Komen sinis beliau mengenai pelbagai isu, kata AP, termasuk dasar luar Amerika yang menyokong regim Israel dan ancaman globalisasi terhadap budaya serta ekonomi, yang mewujudkan ketegangan antara Washington dan negara asing lain.

AP juga melaporkan pandangan pemerhati politik yang mengatakan pengganti

Dr Mahathir, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tidak memiliki pengaruh politik atau semangat bagi meneruskan kelantangan pucuk pimpinan negara sebagai jurucakap dunia Islam dan negara membangun.

Laporan yang sama juga memetik kenyataan Pensyarah Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia, Agus Yusoff, yang berpendapat dasar luar Dr Mahathir akan diteruskan tetapi `retorik Abdullah tidak mungkin dapat menandingi pengaruh atau sindirannya setajam Dr Mahathir.'

Agensi berita Reuters pula menyifatkan Abdullah sebagai `pemenang

sebenarnya', sekalipun semua pujian pemimpin dan ahli UMNO ditujukan kepada Dr Mahathir ketika perhimpunan tiga hari itu.

Pada masa yang sama, Reuters menyifatkan nada kritikan lantang Malaysia akan lentur apabila Abdullah mengambil alih.

Menurutnya, negara Barat mungkin lega kerana Abdullah lebih berdiplomati berbanding Dr Mahathir.

Jadi, Malaysia dijangka lebih rendah profailnya di bawah pentadbiran beliau berbanding Dr Mahathir yang lebih agresif, kata agensi berita itu.